

MEMBANGUN NARATIF DAKWAH INKLUSIF: PENDEKATAN PSIKOSPIRITUAL KEPADA GOLONGAN TRANSGENDER

CONSTRUCTING AN INCLUSIVE DAKWAH NARRATIVE: A PSYCHOSPIRITUAL APPROACH TO THE TRANSGENDER COMMUNITY

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh¹

Mukhamad Khafiz Abdul Basir^{2*}

Ahmad Firdaus Mohd Noor³

Nurul Khairiah Khalid⁴

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: yusri613@uitm.edu.my).

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia. (E-mail: khafiz@uitm.edu.my).

³ Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. (Email: firdausnoor@uitm.edu.my)

⁴ Academy Contemporary of Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia. (Email: nkhairiah@uitm.edu.my)

*Corresponding author

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Yusof, M. Y., Basir, M. K. A., Noor, A. F. M., & Khalid, N. K. (2025). *Membangun naratif dakwah inklusif: Pendekatan psikospiritual kepada golongan transgender*. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 562 – 571.

Abstrak: Artikel ini membincangkan keperluan membina naratif dakwah yang inklusif dan bersifat psikospiritual dalam mendekati golongan transgender dalam masyarakat Islam kontemporari. Pendekatan tradisional yang cenderung bersifat normatif dan menghukum dilihat kurang efektif dalam membimbing kelompok ini ke arah kefahaman agama yang menyeluruh dan berkasih sayang. Justeru, kajian ini mengetengahkan pendekatan psikospiritual sebagai wasilah dakwah yang lebih empati, berasaskan kasih sayang, dan berpaksikan prinsip Maqasid Syariah, khususnya dalam menjaga agama (*hifz al-dīn*), jiwa (*hifz al-nafs*), dan maruah (*hifz al-'ird*). Melalui metodologi kualitatif berbentuk analisis kandungan kajian ini mengupas naratif alternatif yang lebih mesra, dan bersifat pemulihan, berbanding pendekatan dakwah konfrontatif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pendekatan psikospiritual mampu membina jalinan kepercayaan dan membuka ruang dialog yang lebih luas antara pendakwah dan komuniti transgender sekali gus memberi kesan positif terhadap proses pemulihan identiti dan penghijrahan rohani secara berperingkat. Artikel ini mencadangkan kerangka dakwah inklusif yang dapat diaplikasikan oleh institusi keagamaan dan pendakwah lapangan dengan menekankan prinsip pendidikan, kesedaran, dan pengasuhan rohani secara bersepadu. Kajian ini memberi sumbangan signifikan kepada wacana dakwah kontemporari, khususnya dalam memperkukuh pendekatan berasaskan rahmah dan keadilan sosial.

Kata Kunci: *Dakwah inklusif; transgender; pendekatan psikospiritual; maqasid syariah; wacana dakwah kontemporer*

Abstract: *This article discusses the need to construct an inclusive and psychospiritual dakwah narrative in approaching transgender individuals within contemporary Muslim society. Traditional approaches that are largely normative and punitive have proven less effective in guiding this group towards a holistic and compassionate understanding of Islam. Therefore, this study highlights the psychospiritual approach as a more empathetic dakwah pathway grounded in love and aligned with the principles of Maqasid al-Shariah—particularly the preservation of religion (ḥifẓ al-dīn), life (ḥifẓ al-nafs), and dignity (ḥifẓ al-‘ird). Employing a qualitative methodology that includes content analysis, this study explores alternative more inclusive narratives that emphasize healing and acceptance in contrast to confrontational models of dakwah. Findings suggest that the psychospiritual approach fosters trust-building and opens greater space for dialogue between da‘is (preachers) and the transgender community, positively impacting the process of identity recovery and gradual spiritual migration. This article proposes a framework for inclusive dakwah that can be applied by religious institutions and field practitioners emphasizing the principles of education, awareness, and spiritual nurturing in an integrated manner. The study offers a significant contribution to contemporary dakwah discourse, particularly in reinforcing compassion-based and socially just approaches.*

Keywords: *Inclusive dakwah; transgender; psychospiritual approach; Maqasid al-Shariah; contemporary dakwah discourse*

Pengenalan

Dakwah sebagai medan pembentukan jiwa dan pemulihan masyarakat berfungsi bukan sekadar menyampaikan ajaran Islam secara literal, tetapi juga menyantuni keperluan jiwa dan realiti sosial manusiawi. Dalam konteks masyarakat moden yang semakin kompleks, pendekatan dakwah yang bersifat eksklusif dan bersandarkan kepada pendekatan menghukum dilihat semakin tidak relevan khususnya dalam mendepani kelompok yang terpinggir dan kurang diberi perhatian seperti golongan transgender. Realiti menunjukkan bahawa golongan ini bukan sahaja berhadapan dengan krisis identiti dan penolakan sosial, bahkan turut terabai dalam arus utama kegiatan keagamaan serta jaringan sokongan kerohanian. Transgender bukan sekadar satu isu identiti gender tetapi turut menyentuh persoalan psikologi, spiritual dan keadilan sosial yang memerlukan pendekatan dakwah yang lebih inklusif dan berperikemanusiaan. Dalam hal ini, pendekatan psikospiritual dilihat sebagai suatu wasilah dakwah yang bukan sahaja menekankan aspek bimbingan rohani tetapi turut menghargai kedalaman emosi, pengalaman trauma serta aspirasi individu dalam kerangka Maqasid Syariah (Faridah et. Al., 2023).

Namun begitu, dalam amalan dakwah semasa, wacana dakwah terhadap golongan transgender masih terbatas kepada retorik penolakan, nasihat bersifat umum atau sekadar anjuran berhijrah tanpa pendekatan sistematik yang menekankan aspek pemulihan dalaman. Maka, pembinaan naratif dakwah yang lebih terbuka, mesra dan berasaskan psikospiritual adalah satu keperluan mendesak yang memerlukan kajian mendalam dan pendekatan strategik. Artikel ini berusaha mengupas keperluan tersebut dengan mengemukakan model pendekatan dakwah inklusif yang menekankan hikmah, ehsan dan keadilan dalam mendepani golongan transgender sebagai sebahagian daripada komuniti yang berhak dibimbing dengan kasih sayang dan hikmah (Misra et. Al, 2023).

Konsep dan Keperluan Dakwah Inklusif

Dakwah inklusif merujuk kepada pendekatan penyampaian mesej Islam yang meraikan kepelbagaian latar belakang sosial, psikologi dan pengalaman individu tanpa menafikan prinsip asas agama. Ia tidak bermaksud berkompromi dengan hukum tetapi lebih kepada mendekati *mad'u* (sasaran dakwah) dengan kefahaman terhadap realiti dan cabaran yang mereka hadapi. Dalam hal ini, dakwah tidak boleh berfungsi sebagai instrumen penghukuman, tetapi perlu menjadi wahana pemulihan spiritual dan penghubung kepada rahmat Allah SWT. Kehadiran golongan transgender dalam masyarakat menuntut pendekatan dakwah yang lebih reflektif dan bersifat empatik. Dalam konteks ini, dakwah inklusif memperkukuh prinsip *al-da'wah bil-hikmah wa al-maw'izah al-hasanah* (dakwah dengan hikmah dan nasihat yang baik) seperti yang ditegaskan dalam firman Allah:

Maksud: *“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk”.*

(al-Nahl:125)

Ini memerlukan pendakwah untuk memahami latar psikososial golongan transgender, termasuk trauma masa lampau, konflik identiti, tekanan keluarga dan stigma masyarakat. Tanpa memahami konteks ini, usaha dakwah cenderung menjadi dangkal, bersifat permukaan, malah boleh menjarakkan *mad'u* daripada hidayah (Yahya et. Al, 2024).

Dakwah inklusif juga tidak terpisah daripada semangat *rahmatan lil-'alamin* yang menjadi kerangka besar misi kenabian. Ia menekankan sifat kasih sayang, keadilan sosial dan pendekatan yang memanusiakan manusia. Dalam hal ini, golongan transgender perlu dilihat sebagai insan yang mempunyai fitrah untuk kembali kepada Allah SWT dan proses itu menuntut sokongan, bukan kecaman. Pendekatan ini seiring dengan prinsip *hifz al-nafs* (pemeliharaan jiwa) dan *hifz al-'ird* (pemeliharaan maruah) dalam Maqasid Syariah, yang menganjurkan perlindungan hak asasi insan dalam konteks syarak. Tambahan pula, pendekatan dakwah inklusif yang bersifat psikospiritual membina jalinan dakwah yang lebih tulus dan berkesan. Ia bukan hanya mengajak kepada perubahan tingkah laku secara luaran tetapi juga membina kekuatan dalaman melalui bimbingan emosi, kesedaran diri dan hubungan rohani dengan Allah. Sebahagian kajian mendapati bahawa proses penghijrahan transgender yang berjaya ke arah identiti keagamaan yang lebih stabil banyak dipengaruhi oleh interaksi yang tidak menghakimi serta pendekatan dakwah yang sabar dan berterusan. Oleh itu, naratif dakwah kepada golongan transgender harus direka bentuk semula dengan memberi keutamaan kepada elemen pendidikan, empati, dan pemulihan rohani. Ia menuntut penglibatan pendakwah yang terlatih dalam kaunseling, psikologi Islam dan pendekatan dakwah berbasis komuniti. Institusi keagamaan pula perlu menyediakan ruang dakwah yang selamat dan menyantuni, serta menolak budaya eksklusif yang bersifat menghakimi dan meminggirkan (Larasati et.al, 2024).

Konsep Transgender: Tafsiran, Realiti dan Implikasi Dakwah

Istilah *transgender* merujuk kepada individu yang mengalami ketidaksepadanan antara jantina biologikal (yang ditentukan semasa lahir) dengan identiti gender yang mereka rasa dan hayati.

Berbeza dengan konsep *transseksual* yang menjurus kepada perubahan fizikal atau pembedahan, transgender mencakupi spektrum yang lebih luas melibatkan aspek psikologikal, sosial dan perasaan dalaman yang tidak semestinya disertai perubahan tubuh badan secara mutlak. Dari sudut biologi dan perubatan, transgender dikaitkan dengan keadaan yang disebut sebagai *gender dysphoria* iaitu tekanan atau keresahan yang berpunca daripada ketidaksesuaian antara jantina yang ditentukan secara anatomi dengan jantina yang dirasakan secara dalaman. Namun, dalam konteks masyarakat, definisi ini semakin melebar dengan pengaruh budaya, naratif hak asasi, serta penolakan terhadap binari jantina yang kaku (Habibah et. Al, 2022). Dalam masyarakat Islam, konsep transgender sering kali dilihat melalui lensa hukum dan norma gender yang telah ditetapkan oleh syarak. Walau bagaimanapun, ulama kontemporari mula mengusulkan agar isu ini ditangani secara lebih berhikmah dan berasaskan kepada kaedah *fiqh al-waqi'* (fiqh realiti), khususnya apabila melibatkan individu yang tidak melakukan perubahan secara sukarela, tetapi mengalami krisis identiti sejak awal usia. Ini selari dengan kaedah *lā ḥaraj fī al-dīn* (tiada kesukaran dalam agama) dan prinsip *al-'udhr bi al-jahl* (keuzuran kerana kejahilan atau kurang kefahaman). Dari sudut sosiologi, transgender seringkali berhadapan dengan pelbagai bentuk diskriminasi, keterasingan, serta pengabaian dalam sistem pendidikan, perkhidmatan kesihatan, dan institusi agama. Hal ini menjadikan golongan ini antara komuniti yang paling dominan terhadap masalah kesihatan mental, tekanan sosial dan kehilangan sokongan rohani. Justeru, dakwah kepada transgender perlu bermula dengan pengiktirafan terhadap realiti hidup yang mereka alami, sebelum diikuti dengan pendekatan bimbingan rohani yang berstruktur dan berempati. Dalam konteks Islam, konsep insan sebagai makhluk yang diberi kehormatan (*karāmah insāniyyah*) harus menjadi asas dalam memahami dan mendekati golongan transgender. Setiap manusia diciptakan dengan potensi untuk kembali kepada fitrah, dan proses itu perlu disokong melalui pendekatan dakwah yang menghargai keunikan pengalaman hidup seseorang. Maka, membina kefahaman yang seimbang antara prinsip syarak dan pendekatan psikospiritual adalah prasyarat untuk menghasilkan kesan dakwah yang berkesan dan lestari (Hopid et. al, 2024; Haridi et. al, 2024).

Sorotan Literatur

Beberapa kajian kontemporari telah meneliti pendekatan dakwah kepada golongan transgender dengan memberi fokus khusus kepada aspek psikospiritual dan bimbingan keagamaan. Antaranya ialah kajian oleh Suriani Sudia et al. (2022) yang menekankan kepentingan pendekatan psikospiritual nabawi dalam usaha pemulihan identiti dan jiwa individu transgender Muslim. Kajian ini menggariskan beberapa elemen utama dalam pendekatan tersebut, seperti *ṣabr* (kesabaran), *rajā'* (pengharapan), *khawf* (takut kepada Allah), dan kesedaran tauhid, yang perlu ditanam secara berterusan dalam proses membina semula kekuatan rohani. Elemen-elemen ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme dalaman untuk menangani tekanan sosial, tetapi juga sebagai pemangkin perubahan yang lahir dari dalam diri individu. Pendekatan psikospiritual ini bersifat tidak menghakimi, malah membuka ruang pemulihan secara lembut dan berperingkat, selaras dengan semangat *rahmatan lil-'alamin* yang dibawa oleh Islam. Selanjutnya, Muhammad Ali Bagus (2021) dalam kajiannya menumpukan kepada peranan bimbingan dan kaunseling Islam dalam membentuk amalan keagamaan individu transgender. Melalui kaedah analisis kandungan, beliau mendapati bahawa pendekatan yang berasaskan prinsip Islam seperti kasih sayang, empati dan dialog terbuka mampu menyokong golongan ini untuk kembali kepada landasan agama dengan lebih yakin. Kajian ini mencadangkan bahawa proses kaunseling tidak boleh bersifat sehala atau menekan, sebaliknya perlu mengambil kira pengalaman hidup, emosi, dan keperluan rohani individu yang dibimbing. Justeru, bimbingan Islam yang bersifat holistik dan mesra *mad'u* bukan sahaja membantu dari sudut keagamaan, tetapi juga memberi kesan positif terhadap kesihatan mental dan kestabilan identiti spiritual.

Dari sudut dasar dan struktur perundangan, laporan oleh UNDP dan Asia Pacific Transgender Network (2019) menekankan bahawa pengiktirafan jantina secara sah dalam sistem undang-undang adalah aspek penting dalam menjamin hak asasi golongan transgender di Asia. Laporan ini menjelaskan bahawa tanpa pengiktirafan rasmi, individu transgender terus menjadi mangsa diskriminasi dalam pelbagai sektor termasuk pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Meskipun laporan ini berfokus pada dasar dan hak, ia memberikan implikasi besar terhadap kerja-kerja dakwah dan pemulihan identiti. Pendekatan dakwah yang mengambil kira dimensi perundangan dan realiti sosial seperti ini akan lebih berkesan kerana ia mampu merapatkan jurang antara prinsip agama dan tuntutan kehidupan semasa. Ketiga-tiga sumber ini secara kolektif menunjukkan bahawa pendekatan dakwah terhadap golongan transgender tidak boleh bersifat tunggal atau berorientasikan fatwa semata-mata, sebaliknya menuntut satu paradigma dakwah yang bersifat inklusif, psikospiritual dan berpaksikan hikmah. Keterangkuman, empati dan bimbingan berstruktur merupakan elemen penting dalam merintis jalan pulang yang lebih selamat dan bermakna untuk golongan ini dalam kerangka Islam yang rahmah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data dan maklumat yang relevan. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneroka wacana, konsep serta pendekatan dakwah terhadap golongan transgender sebagaimana yang terkandung dalam sumber-sumber sekunder yang tersedia dalam bentuk bertulis. Analisis dokumen membolehkan penyelidik mengkaji kandungan secara mendalam, menilai makna yang tersirat, serta mengenal pasti naratif dominan dan alternatif berkaitan pendekatan dakwah inklusif dalam konteks Islam. Sumber utama kajian ini terdiri daripada artikel jurnal akademik, laporan organisasi antarabangsa, kertas kerja seminar, dan laporan institusi yang berkaitan dengan golongan transgender dan pendekatan dakwah Islam. Penekanan diberikan kepada dokumen yang mengandungi elemen psikospiritual, prinsip Maqasid Syariah, pendekatan bimbingan rohani, serta peranan institusi keagamaan dalam membina naratif dakwah yang menyantuni komuniti marginal. Antara sumber yang dianalisis termasuk kajian oleh Suriani Sudia et al. (2022), Muhammad Ali Bagus (2021), dan laporan oleh UNDP & Asia Pacific Transgender Network (2019).

Data yang diperoleh daripada dokumen-dokumen ini dianalisis secara tematik, iaitu dengan mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan objektif kajian. Proses analisis dilakukan melalui pembacaan berulang dan pengekodan secara induktif bagi mengenal pasti pola, pendekatan dan isu utama yang wujud dalam naratif dakwah kepada transgender. Tumpuan khusus diberikan kepada aspek psikospiritual, pendekatan empatik, serta elemen bimbingan yang menekankan kasih sayang dan pemulihan rohani. Kaedah ini bukan sahaja membolehkan penyelidik memahami pelbagai perspektif yang terkandung dalam dokumen, tetapi juga membantu membina kerangka konseptual dakwah inklusif yang bersesuaian dengan realiti semasa komuniti transgender Muslim. Oleh kerana kajian ini tidak melibatkan pengumpulan data lapangan, ia terhad kepada pemahaman berdasarkan interpretasi dokumen tertulis yang sahih, terkini dan berautoriti dalam bidang berkaitan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Hasil analisis dokumen yang dijalankan terhadap sumber-sumber akademik dan laporan institusi berkaitan mendapati bahawa pendekatan dakwah kepada golongan transgender

memerlukan suatu anjakan paradigma yang bersifat lebih psikospiritual, empatik dan berasaskan rahmah. Terdapat tiga dapatan utama yang dapat dirumuskan daripada kajian ini.

Pertama, pendekatan psikospiritual dilihat sebagai keperluan asas dalam menyantuni komuniti transgender Muslim. Sebagaimana yang digariskan oleh Suriani Sudia et al. (2022), elemen-elemen seperti sabar (*ṣabr*), pengharapan (*rajā'*), dan rasa takut kepada Tuhan (*khawf*) merupakan landasan penting dalam membina semula kekuatan dalaman individu transgender yang sering berhadapan dengan konflik identiti, penolakan sosial dan keresahan spiritual. Pendekatan ini bukan sekadar menyampaikan dakwah secara literal, tetapi bertindak sebagai terapi kerohanian yang mampu memulihkan trauma dalaman serta membuka jalan untuk kembali kepada fitrah. Ini menandakan bahawa dakwah kepada golongan ini perlu menekankan pendekatan yang tidak menghakimi, sebaliknya menyantuni emosi, menyemai harapan, dan menyokong penghijrahan rohani secara berperingkat.

Kedua, dapatan turut menunjukkan bahawa bimbingan dan kaunseling Islam memainkan peranan yang signifikan dalam membantu golongan transgender menguatkan semula hubungan mereka dengan ajaran Islam. Muhammad Ali Bagas (2021) menekankan bahawa proses bimbingan hendaklah bersifat dialogis, empatik dan tidak memaksa dengan mengambil kira pengalaman hidup serta keperluan rohani individu. Kaunseling yang bersifat menolak atau menghukum secara langsung sering kali hanya memburukkan keadaan dan menjarakkan *mad'u* daripada agama. Sebaliknya, pendekatan yang membina dan menyantuni membolehkan individu transgender menilai semula dirinya dengan lebih tenang, sambil dibimbing dengan hikmah ke arah penghayatan Islam yang lebih ikhlas dan mendalam.

Ketiga, laporan oleh UNDP dan Asia Pacific Transgender Network (2019) mendedahkan bahawa isu-isu struktur sosial dan perundangan turut memberi kesan besar terhadap keberkesanan dakwah. Ketiadaan pengiktirafan identiti gender secara sah menyebabkan ramai transgender terpinggir daripada sistem pendidikan, kesihatan dan keselamatan sosial, sekali gus meletakkan mereka dalam keadaan yang sukar untuk diakses oleh pendakwah secara formal. Hal ini menunjukkan bahawa dakwah kepada golongan ini tidak boleh beroperasi secara terpisah daripada realiti sosial dan dasar awam. Ia memerlukan kefahaman menyeluruh terhadap latar sosiopolitik dan psikososial agar pendekatan dakwah yang dirancang benar-benar bersifat kontekstual dan relevan.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menegaskan bahawa pendekatan dakwah inklusif yang bersifat psikospiritual bukan sahaja diperlukan, bahkan sangat mendesak untuk memastikan golongan transgender tidak terus terpinggir daripada ruang rahmah Islam. Dakwah perlu dilihat bukan sekadar sebagai penyampaian hukum, tetapi sebagai proses pemulihan jiwa dan pemerkasaan rohani yang berlaku dalam kerangka dialog, kasih sayang dan keadilan. Kerjasama antara pendakwah, kaunselor, institusi agama dan badan masyarakat sivil perlu diperkukuh untuk membina ekosistem dakwah yang benar-benar menyantuni semua lapisan komuniti, termasuk mereka yang dianggap marginal.

Definisi Pendekatan Psikospiritual Islam

Pendekatan psikospiritual Islam merujuk kepada satu kaedah dakwah dan bimbingan yang menggabungkan elemen psikologi dan kerohanian berasaskan nilai-nilai Islam dalam proses pembangunan, pemulihan dan pengukuhan jiwa manusia. Pendekatan ini bersifat holistik kerana ia tidak hanya menekankan kepada dimensi luaran seperti perubahan tingkah laku semata-mata, tetapi juga menyelami aspek dalaman seperti perasaan, trauma, emosi, dan

kesedaran rohani yang sering kali terabai dalam pendekatan dakwah konvensional. Dari sudut istilah, istilah "psiko" merujuk kepada aspek jiwa dan psikologi manusia yang mencakupi unsur perasaan, pemikiran, dan keperluan emosi yang kompleks. Manakala "spiritual" dalam konteks Islam membawa maksud hubungan yang mendalam antara insan dan Tuhan, yang terjelma melalui keimanan, keinsafan, ibadah, serta penghayatan terhadap nilai-nilai ketuhanan seperti sabar, redha, tawakal, dan pengharapan kepada rahmat Allah SWT. Gabungan kedua-dua elemen ini menghasilkan satu pendekatan yang lebih menyeluruh dan menyantuni, sesuai dengan prinsip dakwah Islam yang berasaskan hikmah dan kasih sayang (Aleh et. al, 2021).

Pendekatan psikospiritual Islam berpaksikan kepada prinsip *tazkiyah al-naafs* (penyucian jiwa), *muraqabah* (kesedaran rohani), *muhasabah* (refleksi diri), serta *taubah* (penyesalan dan pemulihan). Ia bertujuan memimpin individu untuk mengenal diri, memahami kelemahan secara jujur, dan membina kekuatan dalaman melalui hubungan yang erat dengan Allah SWT. Dalam konteks *mad'u* yang berhadapan dengan konflik identiti atau tekanan sosial seperti golongan transgender, pendekatan ini dapat memberikan ruang selamat untuk kembali kepada fitrah secara berperingkat tanpa dipaksa atau dihakimi. Selain itu, pendekatan ini turut mengambil kira bahawa setiap insan mempunyai latar belakang yang unik, pengalaman hidup yang berbeza, dan tahap kefahaman agama yang tidak seragam. Justeru, pendekatan psikospiritual Islam menuntut pendakwah untuk memahami realiti psikososial *mad'u* secara empatik, dan membimbing mereka dengan kesabaran serta pengharapan, bukan dengan penolakan atau retorik penghukuman (Paad et. al, 2021).

Secara keseluruhannya, pendekatan psikospiritual Islam merupakan manifestasi dakwah yang bersifat rahmah (*rahmatan lil-'alamin*) dan relevan dalam konteks masyarakat hari ini yang semakin kompleks dan mencabar. Ia bukan sahaja mendidik dari segi hukum, tetapi menyentuh jiwa, memulihkan perasaan, dan membawa manusia kembali kepada Allah SWT dengan penuh kasih sayang. Maka, pendekatan ini sangat sesuai diaplikasikan dalam konteks dakwah kepada golongan transgender dan kelompok marginal lain yang memerlukan sentuhan rohani yang menyembuhkan, bukan menyisihkan (Wahidah et. al, 2021).

Ciri-ciri Utama Pendekatan Psikospiritual Islam

Jadual 1: Aspek Pendekatan Spiritual Islam

Aspek	Huraian
Berpaksikan Tauhid	Meletakkan Allah SWT sebagai pusat pergantungan dan sumber kekuatan diri.
Menyantuni Jiwa	Mengiktiraf dan memahami emosi, tekanan dan konflik dalaman seseorang sebagai sebahagian daripada ujian hidup.
Bimbingan Rohani	Menggunakan ibadah, zikir, tadabbur, dan kisah-kisah nabi sebagai sumber motivasi dan ketenangan jiwa.
Transformasi Diri	Menyokong individu untuk berubah melalui kesedaran diri (<i>muhasabah</i>) dan pengharapan (<i>raja'</i>) secara bertahap dan tidak menghukum.
Kontekstual dan Berhikmah	Tidak bersifat dogmatik atau memaksa tetapi memadukan ilmu agama dengan pemahaman terhadap realiti psikososial <i>mad'u</i> .

Sumber: Adaptasi dari Mazlan et.al (2024)

Pendekatan Psikospiritual Islam dalam Dakwah kepada Golongan Transgender

Dalam realiti dakwah kontemporari, pendekatan psikospiritual Islam merupakan antara strategi paling signifikan dalam mendekati golongan transgender secara hikmah dan rahmah.

Pendekatan ini menggabungkan elemen pendidikan rohani, pemulihan jiwa, dan penguatan emosi melalui nilai-nilai Islam yang berasaskan kasih sayang dan bimbingan. Bagi memastikan pendekatan ini bukan sahaja bersifat teori beberapa modul khusus dicadangkan agar pelaksanaannya dapat diselaraskan secara sistematik dalam kalangan pendakwah, kaunselor dan institusi Islam. Pendekatan pertama ialah *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa). Pendekatan ini menekankan kepada usaha memulihkan kesucian fitrah individu dengan mengikis elemen-elemen negatif seperti rasa putus asa, kebencian terhadap diri sendiri dan kemurungan yang sering membelenggu golongan transgender. Modul yang dicadangkan bagi pendekatan ini ialah “Modul Terapi Fitrah: Kembali kepada Diri”, yang merangkumi sesi muhasabah sendiri, bimbingan solat taubat, penghayatan ayat-ayat syifa’ (penyembuh rohani) serta latihan amali zikir harian. Modul ini dilaksanakan secara mingguan dalam bentuk halaqah kecil dan bimbingan satu-satu (mentoring rohani), di mana peserta dibimbing untuk menyelami semula potensi kebaikan yang ada dalam diri dan mengembalikan hubungan spiritual dengan Allah SWT secara perlahan-lahan. Pendekatan kedua ialah *al-ta’līm wa al-ta’nīyah*, iaitu pendidikan dan asuhan rohani yang berperingkat. Ini bertujuan membina pemahaman agama secara mendalam dalam suasana tanpa tekanan. Modul cadangan bagi pendekatan ini ialah “Modul Halaqah Hikmah: Pendidikan Rohani Bertahap”, yang merangkumi pengajian asas fiqh ibadah, akhlak Islam, tadabbur ayat-ayat kasih sayang Allah, dan kisah taubat tokoh dalam sejarah Islam seperti al-Fudhail bin ‘Iyadh dan Malik bin Dinar. Modul ini dijalankan dalam tempoh 3 hingga 6 bulan secara fleksibel dengan pendekatan interaktif, reflektif dan berbentuk dialog. Pendekatan ini membolehkan *mad’u* belajar agama dengan rasa diterima, bukan dihakimi, dan menjadikan agama sebagai tempat berlindung, bukan ketakutan (Osman et. al, 2022).

Seterusnya ialah pendekatan *tawakkul* dan *raja’* (kebergantungan dan pengharapan kepada Allah). Golongan transgender sering kehilangan harapan dan keyakinan diri akibat stigma sosial dan penolakan agama. Justeru, modul “Di Sebalik Luka Ada Cahaya: Membangun Harapan Rohani” dicadangkan, yang melibatkan bimbingan melalui kisah tokoh penghijrah dalam al-Quran (seperti Nabi Musa, Sayyidatina Maryam, Ashabul Kahfi), sesi penulisan reflektif bertemakan harapan dan keampunan, serta aktiviti melukis harapan diri dan menulis surat kepada Tuhan. Modul ini memfokuskan pemulihan emosi melalui naratif rohani dan seni ekspresif Islami yang menyentuh jiwa. Keempat, pendekatan *muraqabah* dan *muhasabah* (kewaspadaan rohani dan refleksi sendiri) boleh dijadikan asas kepada proses penyedaran diri. Modul “Jurnal Jiwa: Refleksi Harian Mukmin” dicadangkan sebagai instrumen muhasabah yang melatih peserta menilai amalan harian mereka, mengenal emosi yang hadir dan menulis kesyukuran serta azam harian dalam kerangka nilai Islam. Modul ini juga dibantu dengan sesi *coaching spiritual* oleh fasilitator berpengalaman yang bertindak sebagai murabbi, bukan pengadil. Aktiviti ini boleh digabungkan dengan sesi *check-in* rohani mingguan untuk membina konsistensi dan disiplin sendiri (Muhsin et. al, 2024).

Akhir sekali, pendekatan *ruqyah syar’iyyah* dan kaunseling Islam yang sah wajar digunakan secara terkawal dan berhikmah. Modul “Rawatan Jiwa Islami: Bimbingan Ruqyah dan Kaunseling” dicadangkan yang merangkumi sesi bacaan ruqyah asas (al-Fatihah, ayat Kursi, al-Baqarah: 1–5, al-Ikhlās, al-Falaq dan al-Nas), dibimbing oleh perawat bertauliah dan disokong dengan sesi kaunseling Islam. Dalam sesi ini, peserta dibantu untuk menstabilkan emosi, menghadapi tekanan dalaman, dan membina semula hubungan antara jasad, jiwa dan Tuhan. Penekanan diberikan bahawa rawatan ini bukan bertujuan ‘mengubah’ secara paksaan, tetapi untuk menyembuhkan luka rohani dan membina kekuatan baru secara syar’ie dan beretika. Secara keseluruhannya, pendekatan-pendekatan psikospiritual Islam yang dikemukakan dalam bentuk modul ini bukan sahaja memberi panduan praktikal, malah

menjadikan dakwah lebih bersifat manusiawi dan berkesan. Dakwah kepada golongan transgender perlu ditangani dengan penuh kasih sayang, kefahaman konteks dan bimbingan berstruktur yang membawa mereka kembali kepada jalan Ilahi dengan selamat dan beransur-ansur. Dengan pendekatan ini, Islam bukan lagi kelihatan sebagai sistem hukuman, tetapi sebagai rahmat yang memulihkan dan membina semula (Mohsin, 2022).

Kesimpulan dan Saranan

Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa pendekatan dakwah kepada golongan transgender tidak boleh lagi bersifat normatif semata-mata atau terikat kepada pendekatan penghukuman yang kaku. Sebaliknya, ia perlu dirangka semula dalam bentuk naratif yang lebih inklusif, berperikemanusiaan dan berteraskan psikospiritual Islam. Dakwah yang dibangunkan atas asas memahami jiwa, menyantuni trauma dan membina semula hubungan rohani dengan Allah SWT merupakan pendekatan yang lebih sesuai dalam konteks realiti sosial dan emosi golongan transgender Muslim. Melalui pendekatan ini, dakwah Islam akan lebih menyerlahkan sifat *rahmah*, *hikmah* dan *ta'dil* yang menjadi teras kepada ajaran Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen-elemen seperti *tazkiyah al-nafs*, *ta'lim wa ta'niyah*, *tawakkul*, *raja'*, *muraqabah*, serta bimbingan kaunseling Islam berperanan besar dalam membantu individu transgender menempuh proses penghijrahan rohani dengan lebih selamat dan bermakna. Kajian ini turut mencadangkan beberapa modul dakwah yang boleh diaplikasikan secara sistematik bagi menyokong proses pemulihan jiwa dan pembinaan semula identiti keagamaan. Justeru, penting untuk pendekatan dakwah tidak lagi dilihat sebagai alat menekan, sebaliknya sebagai ruang pemulihan spiritual yang menyantuni dengan kasih sayang.

Sehubungan dengan itu, beberapa saranan dikemukakan bagi mengukuhkan keberkesanan pendekatan ini. Pertama, institusi keagamaan perlu melatih pendakwah dan kaunselor Islam dalam bidang psikospiritual, psikologi asas dan pendekatan dakwah berbasis empati agar mereka mampu mendepani mad'u yang berhadapan dengan isu identiti dan trauma hidup. Kedua, modul dakwah psikospiritual yang bersifat inklusif dan berstruktur wajar dibangunkan dan diuji keberkesanannya di peringkat komuniti. Ketiga, perlu diwujudkan ruang dakwah selamat (*safe dakwah space*) di bawah kendalian institusi Islam atau NGO dakwah, agar golongan transgender tidak merasa terasing daripada bimbingan agama. Akhir sekali, kerjasama merentas bidang antara ahli akademik, pendakwah, pakar psikologi dan komuniti transgender sendiri amat penting bagi membentuk naratif dakwah yang lebih reflektif, kontekstual dan berpaksikan rahmah. Dengan pengukuhan pendekatan psikospiritual ini, dakwah Islam bukan sahaja akan kekal relevan dalam masyarakat pelbagai lapisan, tetapi turut menjadi wasilah pemulihan, penguatan jiwa dan penghijrahan spiritual yang memberi makna buat insan-insan yang ingin kembali kepada fitrah dengan bimbingan dan kasih sayang Ilahi.

Rujukan

- Aleh, S. S. M., Haridi, N. H. M., Sudi, S., & Jodi, K. H. M. (2021). Program dakwah Bahagian Pemulihan Al-Riqab, MAIS terhadap komuniti LGBT: Satu tinjauan awal. *Jurnal Pengajian Islam*, 14, 136–148.
- Bagas, M. A. (2021). Islamic guidance and counseling in developing religious practice transgender. *International Journal of Islamic Guidance and Counseling*, 2(2), 15–21. <https://www.researchgate.net/publication/357803451>
- Faridah, F., Amir, R. M., & Nurjannah, N. (2023). Dakwah dan isu lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT). *Jurnal Khabar: Komunikasi dan Penyiaran Islam*, 5(1), 15–28.
- Habibah, S. N., & Osman, K. (2022). Pendekatan dakwah terhadap golongan LGBT. Dalam *Prosiding Seminar Dakwah & Wahdah al-Ummah* (hlm. 14–15).
- Haridi, N. H. M., Ismail, A. M., Subhi, N., & Hussin, H. (2021). Komponen dalam model pemulihan holistik terhadap lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di Malaysia. *Jurnal al-Ummah*, 3, 165–188.
- Hopid, A., Asiati, R., & Walinono, S. (2024). Dinamika LGBT di masyarakat dan peran dakwah Muhammadiyah. *Al-Munawwir: Jurnal Komunikasi, Pendidikan, & Syari'ah*, 2(1), 1–8.
- Larasati, D., & Muin, M. I. A. (2024). Strategi dakwah Majelis Ulama Indonesia (MUI) dalam mencegah maraknya LGBT di Kota Tebing Tinggi. *Ranah Research: Journal of Multidisciplinary Research and Development*, 6(4), 953–960.
- Mazlan, N. M., & Burhan, N. M. (2024). Analisa kajian psikospiritual Islam di Malaysia. *Gading Journal for the Social Sciences*, 27, 93–102. <https://doi.org/10.xxxx>
- Misra, M. K. A. (2023). Penggunaan kaedah dakwah *mau'izah al-hasanah* terhadap masyarakat hijrah gay, biseksual dan transgender (GBT): Tinjauan awal. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 10(2), 132–141.
- Mohsin, S. B. S., Sa'ari, C. Z., Chik, H., & Zainuddin, S. I. (2022). Peranan *muḥāsabah al-Nafs* (self-evaluation) dalam menangani keresahan spiritual (spiritual distress). *Jurnal Usuluddin*, 50(1), 43–68.
- Muhsin, S. B. S., Rajab, K., & Zainalabidin, M. N. (2024). Konsep *al-Huzn* para nabi menurut psikospiritual Islam. *Jurnal Usuluddin*, 52(1), 67–96.
- Osman, K., Japeri, M. F. M., Mohamad, A. D., & Adnan, M. A. M. (2022). Amalan kesantunan berbahasa dalam rawatan dan pemulihan dadah menerusi pendekatan psikospiritual Islam dan tasawuf. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(1), 237–248.
- Paad, N. S., Muhsin, S. B. S., & Abidin, M. S. Z. (2021). Implementasi psikospiritual Islam dalam pembentukan model motivasi pembangunan diri remaja. *AFKAR: Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 23(2), 405–444.
- Sudia, S., Haridi, N. H. M., Jodi, K. H. M., Ismail, A. M., & Subhi, N. (2022). Spiritual individu menurut psikospiritual Nabawi untuk pemulihan transgender. *Abqari Journal*, 27(1), 81–94. <https://abqarijournal.usim.edu.my/index.php/abqari/article/view/524>
- UNDP, & Asia Pacific Transgender Network. (2019). *Legal gender recognition: A multi-country legal and policy review in Asia*. https://www.weareaptn.org/wp-content/uploads/2019/05/UPDATED-ACKNOWLEDGMENTS-2019_rbp-hhd-2017-legal-gender-recognition-1.pdf
- Wahidah, E., Rosyad, R., & Halim, I. A. (2021). Perubahan keberagamaan klien pasca terapi psikospiritual Islam. *Iman dan Spiritualitas*, 1(3), 253–262.
- Yahya, M. K. S., Ahmad, F. A., Hanifah, N., & Nurdin, A. (2024). Analisis konflik isu LGBT di Indonesia perspektif dakwah persuasif. *Anida (Aktualisasi Nuansa Ilmu Dakwah)*, 24(2), 149–166.